

372

**NO. SOALAN: 524**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[BUKIT BENDERA]**

**Tuan Zairil Khir Johari minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** minta menyatakan bilangan dan nilai urusan e-commerce di Malaysia untuk tiga tahun yang lepas. Bagi lima syarikat e-commerce yang paling besar, berapakah kes aduan dan permintaan untuk timbangtara yang diterima.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Mengikut statistik **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, nilai e-commerce yang menyumbang kepada ekonomi di Malaysia adalah sebanyak **RM50.4 bilion pada tahun 2014**, diikuti **RM54.0 bilion pada tahun 2015** dan **RM59.0 bilion pada tahun 2016**.

Berdasarkan kepada **sistem e-Aduan KPDNKK**, jumlah kes aduan yang diterima melibatkan **transaksi internet** bagi tempoh **Januari 2015 sehingga Januari 2018** adalah sebanyak **7,365 kes**. Daripada jumlah ini, **83.1% kes aduan** direkodkan berlaku di dalam **platform media sosial**. Bagi **lima syarikat e-commerce** yang terbesar, jumlah keseluruhan aduan yang diterima adalah sebanyak **663 aduan** yang bersamaan dengan **9%** daripada jumlah keseluruhan aduan yang diterima. Manakala **Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM)** telah menerima sebanyak **1,846 pemfailan** dengan nilai tuntutan keseluruhan berjumlah **RM 8,078,367.30** bagi **tahun 2017**.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada kontrak YTL Communications untuk menyediakan perkhidmatan 1BestariNet telah dilanjutkan, dan jika ya, mengapa dan untuk berapa lama**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tempoh kontrak Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 adalah tiga (3) tahun iaitu bermula 01 Julai 2016 hingga 30 Jun 2019. Sebarang perlanjutan adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.

RT34/526

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUN ZAIRIL KHIR JOHARI  
DARIPADA [ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar enrolmen terkini bagi murid sekolah rendah dan menengah, diperincikan mengikut jenis dan jurusan sekolah seperti Sekolah Kebangsaan, Jenis Kebangsaan (Cina), Jenis Kebangsaan (Tamil), Agama, Teknik dan Vokasional.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan enrolmen murid sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada 31 Januari 2018 adalah seperti berikut :

<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Bilangan Murid</b>
Sekolah Kebangsaan	2,073,446
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	518,550
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	81,521
Sekolah Menengah Agama	125,120
Kolej Vokasional	55,836
Sekolah Menengah Teknik	4,175